PENDAKWA RAYA

lwn.

MOHD YASIN BIN ABDUL GHANI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
DATO' ARIFIN ZAKARIA H
[RAYUAN JENAYAH NO. 41-15 TAHUN 1992]
12 DISEMBER 1994

HAL EHWAL PENGGUNA: *Kawalan harga - Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 - Kegagalan meletakkan tanda harga pada botol air minuman - Botol air minuman terletak di tempat tersorok tetapi dapat dilihat dari luar premis - Samada telah dipamerkan kepada pelanggan - Sabitan - Samada betul.*

PERKATAAN & ISTILAH*: "dipamerkan" - Perenggan 3(1) Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjuan Runcit) 1977.*

Perayu telah disabitkan di bawah perenggan 3(1) Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 (Perintah itu) kerana tidak mempamerkan tanda harga bagi 692 botol air minuman di kedainya (minuman tersebut). Di hadapan Tuan Majisteret perayu berhujah bahawa beliau tidak perlu meletakkan tanda harga pada minuman tersebut kerana ia hanyalah untuk simpanan dan tidak dipamerkan untuk jualan. Tuan majisteret mendapati bahawa oleh kerana botol-botol air berkenaan boleh dilihat dari luar kedai tersebut maka ia mestilah telah dipamerkan untuk jualan seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 3(1) Perintah itu, dan dengan itu mensabitkan perayu dan mendendanya RM2000.

Perayu merayu. Di hadapan Yang Arif Hakim, soal yang timbul ialah samada Majisteret telah silap dalam menghayati makna "pamer" di dalam perenggan 3(1) Perintah itu dan dan jika ya, samada sabitan terhadap perayu patut diketepikan.

Diputuskan:

[1] Tuan Majisteret telah silap apabila membuat kesimpulan bahawa jika botol-botol minuman itu boleh dilihat dari luar restoran berkenaan maka ia boleh dianggap telah dipamerkan. Walaupun botol-botol air itu boleh dilihat dari luar seperti yang didapati oleh Tuan Majisteret di sini, ia tidak semestinya membawa kepada satu-satunya rumusan bahawa botol itu telah dipamerkan. Mahkamah perlu memberi pertimbangan selanjutnya samada ia dapat dilihat dengan jelas dan mudah atau sebaliknya, kerana sesuatu itu tidak boleh dianggap sebagai telah dipamerkan jika ianya tidak boleh dilihat dengan mudah oleh pelanggan-pelanggan oleh kerana ia terletak disatu tempat yang tersorok sepertimana halnya disini.

[2] Melihat keadaan bagaimana botol-botol itu diletakkan jelas bahawa ia tidak boleh dikatakan sebagai telah dipamerkan. Tuan Majisteret telah gagal menghayati makna sebenar perkataan "pamer" di dalam menimbang persoalan samada minuman tersebut dipamerkan atau sebaliknya. Adalah juga jelas bahawa sekiranya Tuan Majisteret memberi makna yang tepat dan betul kepada perkataan "pamer" beliau mungkin akan mencapai satu keputusan yang berlainan.

[Rayuan dibenarkan. Perayu dilepas dan dibebaskan]

Kes-kes yang dirujuk:

Wong Swee Chin v. Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 212, di m.s. 213.
Chia Han Kiat v. Red [1937] MLJ 248 di m.s. 248 & 249.

Bagi pihak Pendakwa Raya - Nordin b. Hassan, TPR
Bagi pihak pembela - Hj. Harany b. Mohd. Noor; M/s. Haranay Noor & Co.

PENGHAKIMAN

Arifin Zakaria H:

Perayu di dalam kes ini telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuantan di atas dua pertuduhan, iaitu berkait kes Saman 87-338/91 dan kes Tangkap 94-55/90. Kedua-dua kes telah dibicarakan bersama. Di akhir kes pendakwaan Mahkamah telah melepas dan membebaskan perayu bagi kes tangkap 94-55/90 dan memanggil perayu membuat pembelaan bagi kes Saman 87-338/91. Rayuan di hadapan Mahkamah ini ialah berkait dengan kes Saman 87-338/91 dimana perayu telah dituduh melanggar perenggan 3 (1) Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga Oleh Penjual Runcit) 1977 (selepas ini dirujuk sebagai "Perintah itu") kerana didapati tidak meletakkan label, tag atau tanda kepada 692 botol air minuman yang dipamerkan untuk jualan di premis perayu. Perayu telah disabitkan Majistret dan dikenakan hukuman denda RM 2,000 jika tidak dibayar 2 bulan penjara.

Di dalam rayuannya pihak Peguam perayu telah mengutarakan 3 alasan kesemuanya tetapi pada pendapat Mahkmah ini hanya satu sahaja yang wajar diberi pertimbangan. Alasan itu berbunyi:

> (a) Tuan Majistret adalah salah di segi fakta/undang-undang menyatakan air botol di premis itu dipamerkan bagi pelanggan-pelanggan.

Dari alasan itu bolehlah dikatakan bahawa apa yang dimaksudkan ialah air botol di premis itu pada masa yang berkenaan tidak dipamerkan untuk jualan seperti yang diperuntukan di bawah perenggan 3 (1) Perintah itu.

Di dalam penghujahannya Peguam perayu menyatakan bahawa Tuan Majistret telah gagal atau salah di dalam memutuskan bahawa perayu adalah didapati telah mempamerkan minuman botol yang berkenaan untuk tujuan jualan. Beliau menghujahkan bahawa bagi membangkitkan kesalahan di bawah perenggan 3(1) Perintah itu perlu wujud ingredian mempamerkan dan tujuan pameran itu adalah untuk jualan. Bagi memahami dengan mendalam persoalan itu elok kiranya diperturunkan peruntukan yang berkenaan iaitu:

> 3 (1) Tiap-tiap penjualruncit barang - barang yang disebutkan di dalam Jadual hendaklah meletakkan label, tag atau tanda pada barang-barang itu atau pada beg atau bekas mana-mana barang-barang yang dipamerkan samada untuk jualan atau sebagai contoh barang-barang jualan dalam premis penjualruncit menunjukkan harga bagi tiap-tiap satu unit atau tiap-tiap satu unit timbangan atau sukatan barang-barang itu.

Peguambela perayu menghujahkan bahawa di dalam keadaan kes ini botol-botol minuman yang berkenaan tidak dipamerkan tetapi hanya disimpan sahaja dengan itu ia bukanlah satu kesalahan walaupun tidak terdapat tanda-tanda harga. Sebagai alternatif kata beliau, sekiranya ia didapati telah dipamerkan tetapi ia tidak dipamerkan untuk jualan kerana pada masa itu kedai belum dibuka lagi. Saya dapati hujah alternatifnya adalah tidak begitu meyakinkan kerana dari keterangan saksi-saksi dan juga gambar-gambar yang dikemukakan sebagai barang kes adalah jelas bahawa kedai itu telah dibuka untuk perniagaannya. Lagipun soalan ini tidak pernah dikemukakan kepada saksi-saksi pendakwa semasa soalan balas oleh pembela. Cerita bahawa kedai belum dibuka untuk perniagaan hanya dibangkitkan buat pertama kalinya di dalam kes pembelaan semasa perayu memberi keterangannya di peringkat pemeriksaan utama. Dengan itu keterangan saksi pendakwa berhubung dengan perkara itu bolehlah dianggap tidak

tercabar. Sepertimana pernah dikatakan oleh Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (pada ketika itu) di dalam kes *Wong Swee Chin v. Public Prosecutor* (1981) 1 MLJ 212, di m.s. 213:

> Mr. Jagjit Singh also raised as one of his main grounds of appeal that the trial judge erred in law when he held that the failure of the defence to cross-examine the two prosecution witnesses on the ammunition actually found in the trouser pockets of the appellant at the time of his arrest (the subject-matter of the third charge) constituted a clear admission of the charge of possession by the appellant. We consider that statement of the law as a misdirection. A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony, to wit, the fact that they found the ammunition in the appellant's trouser pockets remains unshaken. On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony. But as is common with all general rules there are also exceptions...

Setelah meneliti keterangan-keterangan yang dikemukakan saya dapati keputusan tuan Majistret bahawa kedai perayu telahpun dibuka untuk perniagaan pada masa itu adalah disokong oleh keterangan yang ada. Dengan itu saya mengesahkan keputusan Tuan Majistret berhubung dengan isu itu.

Pada pendapat saya isu yang penting dalam kes ini ialah sama ada terdapatnya "pameran" ataupun tidak. Perlu dinyatakan di sini bahawa apa yang menjadi kesalahan ialah kegagalan meletakkan label, tag atau tanda menunjukkan harga pada barang-barang yang dipamerkan sama ada untuk jualan atau sebagai contoh barang-barang jualan. Dari itu menyimpan barang-barang yang terkawal tidak menjadi kesalahan di bawah perenggan ini: begitu juga menjual barang itu adalah bukan menjadi kesalahan, apa yang menjadi kesalahan ialah mempamerkan barang-barang itu untuk tujuan jualan tanpa label, tag atau tanda harga. Di sini tidak dinafikan bahawa barang-barang yang berkenaan adalah untuk tujuan jualan cuma apa yang dipersoalkan ialah sama ada barang-barang itu pada masa yang berkenaan telah dipamerkan sedemikian. Perkataan "pamer" tidak ditafsirkan di dalam Perintah itu atau di bawah Akta Kawalan Harga 1946. Dengan itu saya berpendapat kita bolehlah memakai erti perkataan itu seperti yang terdapat di dalam kamus. Mengikut Kamus Dewan Edisi Baru (1989) perkataan "pamer" bererti mempertunjukkan. Di dalam keadaan kes ini bolehkah perayu dikatakan mempamerkan 692 botol-botol minuman itu. Saya berpendapat sama ada perayu telah mempamerkan atau tidak barang-barang berkenaan adalah satu persoalan fakta dan pada lazimnya Mahkamah Rayuan adalah berkeberatan untuk mengganggu keputusan fakta yang dibuat oleh Mahkamah Rendah. Tetapi sebagaimana pernah disuarakan oleh Jerrell Ag. CJ di dalam kes *Chia Han Kiat v. Rex* [1937] MLJ 248 di m.s. 248 dan 249:

> But it is the duty of an Appellate Court to be a Judge of fact as well as of law, and it would be abrogating its functions if it made a hard and fast rule never to interfere with findings of fact, and felt bound to support a judgment which, on a review of all the evidence, it considered to be clearly wrong.
>
> It is necessary therefore to examine evidence in order to ascertain whether the learned District Judge was justified in finding that the prosecution had established the guilt of the appellant beyond reasonable doubt.

Di dalam kes ini, dari gambar-gambar yang dikembarkan, nampaknya kedai makan yang dijalankan oleh perayu adalah dari jenis yang biasa didapati di tepi lebuhraya. Kedai-kedai ini pada lazimnya beroperasi di waktu malam untuk pengguna-pengguna lebuhraya. Dari segi strukturnya pula, ia diperbuat dari kayu. Pelan lakar P2 menunjukkan kedudukan botol-botol minuman di dalam kedai itu. Nampaknya botol-botol itu diletakkan berhampiran dengan tempat

di mana minuman disediakan. Di antara tempat botol-botol minuman dengan kawasan luar di mana meja makan diletakkan terdapat pengadang, iaitu mengikut pelan P2 terdapat "kaunter tempat keluar air yang telah siap untuk dihidang". Mahkamah tidak diberitahu berapakah ketinggian kaunter itu dari paras tanah. Dari pelan P2 kita dapat melihat bahawa terdapat tanda "Dilarang Masuk" pada pintu yang menuju ke kawasan di mana botol-botol minuman disimpan. Dari gambar P3B, botol-botol minuman itu tidak begitu jelas kelihatan. Begitu juga di dalam gambar P3D. P3C adalah gambar yang menunjukkan botol-botol minuman yang disusun dan masih lagi berada di dalam paknya. Adalah tidak dinyatakan dari arah mana gambar P3C telah diambil, tetapi saya dapat merumuskan berdasar kepada gambar-gambar lain dan juga pelan lakar P2 bahawa gambar P3C telah diambil di dalam kawasan tempat menyediakan minuman. Perlu diingat bahawa mengikut P2 tempat itu adalah terhad aksesnya kerana terdapat tanda larangan masuk di pintu masuk. Bahkan di dalam pemeriksaan balas SP1 bersetuju bahawa "tempat terletaknya air-air botol tersebut bukan tempat pelanggan selalu melalui". Persoalannya ialah di dalam keadaan sedemikian adakah betul bagi Mahkamah, setelah mengambil kira segala fakta-fakta yang saya nyatakan di atas, membuat keputusan bahawa pihak pendakwa telah, tanpa keraguan yang munasabah, membuktikan bahawa botol-botol air minuman itu telah dipamerkan.

Berhubung dengan perkara ini, Tuan Majistret di dalam alasan penghakimannya ada menyatakan:

> Gambar P.3B menunjukkan botol-botol minuman tersebut boleh dilihat daripada luar. Saya juga menerima keterangan S.P.1 bahawa jikalau botol-botol minuman tersebut boleh dilihat oleh orang ramai, maka ia adalah dipamerkan. Adalah tidak munasabah untuk menganggap bahawa sesebuah restoran tidak menjual air minuman botol. Saya berpuas hati bahawa botol-botol minuman di premis OKS itu adalah dipamerkan untuk jualan.

Dari alasan itu nampaknya Tuan Majistret telah membuat kesimpulan bahawa jika botol-botol minuman itu boleh dilihat dari luar maka ia boleh dianggap telah dipamerkan. Dengan hormatnya saya bependapat ini adalah tidak tepat dan tidak selaras dengan makna perkataan "pamer" seperti yang saya nyatakan di atas. Dengan itu saya berpendapat bahawa Tuan Majistret telah silap di dalam mencapai keputusannya di dalam kes ini. Pada pendapat saya walaupun botol-botol air itu boleh dilihat dari luar seperti yang didapati oleh Tuan Majistret di dalam kes ini ia tidak semestinya membawa kepada satu-satunya rumusan bahawa botol itu telah dipamerkan. Mahkamah perlu memberi pertimbangan selanjutnya sama ada ia dapat dilihat dengan jelas dan mudah atau di sebaliknya, kerana pada pendapat saya sesuatu itu tidak boleh dianggap telah dipamerkan jika ianya tidak boleh dilihat dengan mudah oleh pelanggan-pelanggan oleh kerana ia terletak di satu tempat yang tersorok sepertimana keadaannya di dalam kes ini. Ringkasnya, melihat kepada keadaan bagaimana botol-botol itu diletakkan saya dapati ia tidak boleh dikatakan telah dipamerkan.

Di dalam kes ini saya dapati Tuan Majistret telah gagal menghayati makna sebenar perkataan "pamer" di dalam menimbang persoalan sama ada botol-botol air minuman itu dipamerkan ataupun di sebaliknya. Sekiranya Tuan Majistret telah memberi makna yang tepat dan betul kepada pekataan "pamer" saya berpendapat beliau mungkin akan mencapai satu keputusan yang berlainan. Saya juga berpendapat fakta di dalam kes ini tidak dapat menyokong keputusan Tuan Majistret dan dengan itu saya membenarkan rayuan ini dan mengenepikan sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu dan seterus melepas dan membebaskannya dari pertuduhan yang dikemukakan.